



Rujukan kami : JANM.600-4/2/41 ( 4 )  
Tarikh : 14 Julai 2026

## SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan,

### **EDARAN TATACARA PERAKAUNAN WANG PENDAHULUAN KONTRAKTOR (WPK) DI BAWAH KAWALAN KERAJAAN PERSEKUTUAN [KOD A0591101] VERSI 1/2026**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Pejabat ini merakamkan penghargaan atas komitmen berterusan yang diberikan oleh pihak Kementerian/Jabatan dalam memastikan pengurusan kewangan di pejabat masing-masing sentiasa berada pada tahap terbaik. Walau bagaimanapun terdapat pemerhatian dan teguran audit berulang berkaitan pengurusan dan pelaporan WPK.

3. Oleh yang demikian, bersama-sama ini diedarkan **Tatacara Perakaunan Wang Pendahuluan Kontraktor (WPK) Versi 1/2026** untuk perhatian dan pematuhan pihak YBhg. Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan. Tatacara ini bertujuan untuk dijadikan sebagai panduan pelaksanaan serta rujukan oleh semua Pejabat Perakaunan (AO) dan Pusat Tanggungjawab (PTJ) di bawah selian AO bagi menguruskan urusan niaga yang melibatkan WPK di bawah kawalan Kerajaan Persekutuan (Kod: A0591101).

4. Penyediaan dan penguatkuasaan tatacara ini penting bagi memastikan setiap transaksi perakaunan berkaitan WPK direkodkan dan dilaporkan secara teratur dan mematuhi peraturan kewangan yang berkuat kuasa. Langkah ini juga diambil bagi menangani serta mengelakkan berulangnya isu-isu perakaunan yang sering menjadi teguran audit, terutamanya perkara yang telah dibangkitkan dalam Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan (PKKP).

5. Kerjasama dan keprihatinan pihak tuan/puan dalam menyebarkan panduan ini kepada pegawai-pegawai di bawah seliaan amatlah dihargai. Sekiranya

terdapat sebarang pertanyaan mengenai tatacara ini, pihak tuan/puan dialu-alukan untuk menghubungi pejabat ini melalui emel di [deposit@anm.gov.my](mailto:deposit@anm.gov.my).

6. Segala kerjasama dan perhatian YBhg. Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan dalam mematuhi garis panduan ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

**'MALAYSIA MADANI'**  
**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'**  
*'Inovasi Memperkasa Perakaunan Mampan'*

Saya yang menjalankan amanah,

  
(AYUB BIN HAJI/ZAIDIN C.A(M))  
Pengarah

Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi (BPOPA)  
b.p Akauntan Negara Malaysia  
Jabatan Akauntan Negara Malaysia

s.k 1. ANM

2. TAN (O)

3. TAN (K)

**SENARAI EDARAN DALAMAN**

1. P BPOPA
2. P BA MOF
3. P BPTM
4. P BPAD
5. P BPOPP
6. P BKP
7. P PPPA
8. P BWTD
9. P IPN

## **SENARAI EDARAN KETUA AKAUNTAN KEMENTERIAN**

1. PUAN NURHUDA BINTI HARUN  
KETUA AKAUNTAN  
**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**  
BAHAGIAN AKAUN  
BLOK E7, PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
KOMPLEKS E  
62590 PUTRAJAYA
  
2. PUAN FAZIYATUN BINTI MOHAMED YAHYA  
KETUA AKAUNTAN  
**KEMENTERIAN KEWANGAN**  
BAHAGIAN AKAUN , JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
ARAS 1 & 2, BANGUNAN JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
NO.1, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2  
62594 PUTRAJAYA
  
3. PUAN MURNIYATI BINTI RAMLI  
KETUA AKAUNTAN  
**KEMENTERIAN DALAM NEGERI**  
BAHAGIAN AKAUN  
ARAS 8, BLOK D1, KOMPLEKS D  
62546 PUTRAJAYA
  
4. ENCIK ROSDI BIN ABU  
KETUA AKAUNTAN  
**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**  
BAHAGIAN AKAUN  
ARAS 8, 10 & 11, BLOK E12, KOMPLEKS E  
62604 PUTRAJAYA
  
5. PUAN HAWARIAH BINTI IDRIS  
KETUA AKAUNTAN  
**JABATAN PERDANA MENTERI**  
BAHAGIAN AKAUN  
ARAS 3 BLOK B7  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62502 PUTRAJAYA

6. PUAN HATIMAH BINTI IBRAHIM  
KETUA AKAUNTAN  
**KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA**  
BAHAGIAN AKAUN  
WISMA PERTAHANAN  
JALAN PADANG TEMBAK  
50634 KUALA LUMPUR
7. PUAN GLORIA ANGELA JAMES NOAH  
KETUA AKAUNTAN  
**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN**  
BAHAGIAN AKAUN  
ARAS 23, NO 51 PESIARAN PERDANA, PRESINT 4  
62100 PUTRAJAYA
8. PUAN SAADIAH BINTI YAACOB  
KETUA AKAUNTAN  
**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**  
BAHAGIAN AKAUN  
NO 55, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4  
62100 PUTRAJAYA
9. ENCIK MEGAT AMIRUL ZAINI JAMALULLAIL BIN MEGAT JAMALUDDIN  
KETUA AKAUNTAN  
**KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**  
BAHAGIAN AKAUN  
ARAS 11, NO. 2 MENARA 2  
JALAN P5/6, PRESINT 5  
62200 PUTRAJAYA
10. PUAN EBA JUIATA BINTI TAIB  
KETUA AKAUNTAN  
**KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP**  
BAHAGIAN AKAUN  
NO. 13, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2  
62623 PUTRAJAYA
11. PUAN NADZEMAH BINTI MOHD SOM  
KETUA AKAUNTAN  
**KEMENTERIAN DIGITAL**  
BAHAGIAN AKAUN  
ARAS 13, 14 & 15, BLOK MENARA  
MENARA USAHAWAN  
NO. 18, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2  
62000 PUTRAJAYA

12. DATIN NONI BINTI ABDUL RAZAK  
KETUA AKAUNTAN  
**JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA**  
CAWANGAN AKAUN  
KOMPLEKS KEMENTERIAN KEWANGAN  
NO. 3, PERSIARAN PERDANA,  
PRESINT 2,  
62596, PUTRAJAYA
13. PUAN SABARIAH BINTI YUSOF @ MOHD EUSOPE  
KETUA AKAUNTAN  
**KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH**  
BAHAGIAN AKAUN  
NO. 47, PERSIARAN PERDANA  
PRESINT 4  
62100 PUTRAJAYA
14. PUAN SHARIFAH SAIDTUL FADZILAH BINTI S. AZMAN ZURIMY @ AYEOP  
ABD KHALIL  
KETUA AKAUNTAN  
**KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA**  
BAHAGIAN AKAUN  
ARAS 5 - 10, BLOK F9, PARCEL F  
LEBUH PERDANA TIMUR, PRESINT 1,  
62000 PUTRAJAYA
15. ENCIK SHAHRIN BIN HJ SHAARI  
KETUA AKAUNTAN  
**KEMENTERIAN PERLADANGAN DAN KOMODITI**  
BAHAGIAN AKAUN  
NO. 15, ARAS 5-13  
PERSIARAN PERDANA  
PRESINT 2  
62654 PUTRAJAYA
16. PUAN SARIPAH BINTI DAUD  
KETUA AKAUNTAN  
**KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR**  
BAHAGIAN AKAUN  
MENARA PETRA  
NO.25 PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4  
62574, PUTRAJAYA

17. PUAN NORMADIAH BINTI ISMAIL  
KETUA AKAUNTAN  
**KEMENTERIAN LUAR NEGERI**  
BAHAGIAN AKAUN  
WISMA PUTRA  
NO 1, JALAN WISMA PUTRA PRESINT 2  
62602 PUTRAJAYA
18. DR. SHAHRIL BIN BAHARIM  
KETUA AKAUNTAN  
**KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA**  
BAHAGIAN AKAUN  
NO. 2, MENARA 1, JALAN P5/6  
PRESINT 5  
62200 PUTRAJAYA
19. PUAN NOR ROSITA BINTI IDRIS  
KETUA AKAUNTAN  
**KEMENTERIAN KOMUNIKASI**  
BAHAGIAN AKAUN  
LOT 4G9, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62100 PUTRAJAYA
20. ENCIK MOHD SHUPIAN BIN IBRAHIM  
KETUA AKAUNTAN  
**KEMENTERIAN EKONOMI**  
BAHAGIAN AKAUN  
MENARA PRISMA  
NO. 26, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 3  
62675 PUTRAJAYA
21. PUAN HALIZA BINTI HASHIM  
KETUA AKAUNTAN  
**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI**  
BAHAGIAN AKAUN  
BLOK E4/5, KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62668 PUTRAJAYA

22. ENCIK HAFIZAL BIN AHMAD  
KETUA AKAUNTAN  
**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**  
BAHAGIAN AKAUN  
ARAS 6-12, MENARA PERKESO PUTRAJAYA  
NO. 6, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2  
62530 PUTRAJAYA
23. PUAN AZMA BINTI JUSOH  
KETUA AKAUNTAN  
**KEMENTERIAN KERJA RAYA MALAYSIA**  
BAHAGIAN AKAUN  
TINGKAT 1-14, KOMPLEKS KERJA RAYA  
JALAN SULTAN SALAHUDDIN  
50580 KUALA LUMPUR
24. PUAN SITI AISHAH BINTI ABDUL KADIR  
KETUA AKAUNTAN  
**KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**  
BAHAGIAN AKAUN  
ARAS 4, MENARA KBS  
NO. 27 PERSIARAN PERDANA  
PRESINT 4  
62570 PUTRAJAYA
25. PUAN SHABIBAH BINTI BACHOK  
KETUA AKAUNTAN  
**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**  
BAHAGIAN AKAUN  
ARAS 1-7, BLOK C4 & C5, KOMPLEKS C  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62662 PUTRAJAYA
26. ENCIK SHAMSUDDIN BIN ABDUL WAHAB  
KETUA AKAUNTAN  
**KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM**  
BAHAGIAN AKAUN  
BLOK F11, KOMPLEKS F  
LEBUH PERDANA TIMUR, PRESINT 1  
62000 PUTRAJAYA

27. PUAN SITI MARIAM BINTI MAT NOH  
KETUA AKAUNTAN  
**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN**  
BAHAGIAN AKAUN  
WISMA TANI, NO. 28, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4  
62624 PUTRAJAYA
28. PUAN NANCY @ DERVINA SIDING  
KETUA AKAUNTAN  
**KEMENTERIAN PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI**  
BAHAGIAN AKAUN  
ARAS 3, MENARA PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI  
NO. 7, JALAN SULTAN HAJI AHMAD SHAH  
50480 KUALA LUMPUR
29. KETUA AKAUNTAN  
**KEMENTERIAN PENGANGKUTAN**  
BAHAGIAN AKAUN  
ARAS 7, NO. 26 JALAN TUN HUSSEIN, PRESINT 4  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62100 PUTRAJAYA

**SENARAI EDARAN JANM NEGERI/CAWANGAN**

1. ENCIK MOHD AZIZI BIN MOHD ASPAR  
PENGARAH  
**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA NEGERI SABAH**  
ARAS BAWAH, TINGKAT 6 & 7, WISMA PERINDUSTRIAN  
JLN ISTIADAT-LIKAS, BEG BERKUNCI 2053  
88594 KOTA KINABALU, SABAH
  
2. ENCIK ZAINUDDIN BIN MANAF  
PENGARAH  
**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA NEGERI SARAWAK**  
TINGKAT 6, BANGUNAN TUN DATUK PATINGGI TUANKU HAJI BUJANG  
JALAN SIMPANG TIGA  
93594 KUCHING, SARAWAK
  
3. PUAN NOOR AZIRA BINTI ABD RASHID  
PENGARAH  
**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA NEGERI PAHANG**  
TINGKAT 1, WISMA PERSEKUTUAN  
JALAN GAMBUT  
25000 KUANTAN, PAHANG
  
4. ENCIK FAUZI BIN MAMAT  
PENGARAH  
**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA NEGERI KELANTAN**  
BLOK A BANGUNAN PERSEKUTUAN  
JALAN DOKTOR  
15590 KOTA BHARU, KELANTAN
  
5. PUAN MAZIAH BINTI MUSA  
PENGARAH  
**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA NEGERI PULAU PINANG**  
TINGKAT 42, KOMTAR  
10000 PULAU PINANG
  
6. ENCIK SHAHNAZ BIN ABD SALAM  
PENGARAH  
**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA NEGERI SELANGOR**  
MENARA NAZA TTDI, ARAS 6, 12 & 13  
NO. 11, JALAN JUDO 13/45, SEKSYEN 13  
40100 SHAH ALAM, SELANGOR

7. ENCIK RAHMAD JULKIFLI BIN MOHD ALI  
PENGARAH  
**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA NEGERI JOHOR**  
ARAS 8 & 11, MENARA TABUNG HAJI, JALAN AYER MOLEK  
80888 IBRAHIM INTERNATIONAL BUSINESS DISTRICT,  
JOHOR DARUL TA'ZIM
8. ENCIK ZULKHAIRY BIN IBRAHIM  
PENGARAH  
**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA NEGERI PERAK**  
ARAS 3 & 4, MENARA SSM IPOH PERAK  
JALAN BASCO KEPAYANG 1, BASCO AVENUE@KEPAYANG  
31400 IPOH, PERAK
9. DR. AHMAD SHUKRI BIN ABDUL GANI,  
PENGARAH  
**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA NEGERI KEDAH**  
ARAS G & 4, ZON C  
WISMA PERSEKUTUAN ANAK BUKIT  
06550 ANAK BUKIT, ALOR SETAR, KEDAH
10. ENCIK MOHD ASRI BIN YUSOF  
PENGARAH  
**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA NEGERI MELAKA**  
ARAS 5, MENARA PERSEKUTUAN  
JALAN PERSEKUTUAN, AYER KEROH  
75450 MELAKA
11. PUAN ROSNANI BINTI MOHAMAD @ AHMAD  
PENGARAH  
**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA NEGERI SEMBILAN**  
TKT 10, WISMA PERSEKUTUAN  
JALAN DATO ABDUL KADIR  
70990 SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN
12. ENCIK MAZLAN BIN MUDA  
PENGARAH  
**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA NEGERI TERENGGANU**  
TINGKAT 11, WISMA PERSEKUTUAN, JALAN SULTAN ISMAIL  
20594 KUALA TERENGGANU, TERENGGANU

13. PUAN NG PEIK SEE  
PENGARAH  
**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA NEGERI PERLIS**  
TINGKAT 3, BANGUNAN PERSEKUTUAN  
PERSIARAN JUBLI EMAS  
01000 KANGAR, PERLIS
  
14. ENCIK MOHD NAZRI BIN HASSAN  
PENGARAH  
**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA CAWANGAN MIRI**  
TINGKAT 4, YU LAN PLAZA  
JLN BROOKE, 98000 MIRI, SARAWAK
  
15. PUAN MASNIAH BINTI LAGANING  
PENGARAH  
**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA CAWANGAN LABUAN**  
BLOK 4, TINGKAT 5, UJANA KEWANGAN  
PETI SURAT 80622  
87016 WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN
  
16. ENCIK NIZAM BIN LIMUN  
PENGARAH  
**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA CAWANGAN TAWAU**  
TINGKAT 4, WISMA PERSEKUTUAN  
JALAN DUNLOP, BANDAR SABINDO  
91000 TAWAU, SABAH
  
17. PUAN WONG CHAI LING  
PENGARAH  
**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA CAWANGAN SIBU**  
TINGKAT 1, WISMA PERSEKUTUAN BLOK 1  
JLN AWANG RAMLI AMIT  
96000 SIBU, SARAWAK
  
18. PUAN SITI NOORHAWA BINTI OMAR  
**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA CAWANGAN SRI AMAN**  
TINGKAT 2 & 3, BLOK 3, WISMA PERSEKUTUAN  
FASA 2, JALAN KEJATAU  
95000 SRI AMAN, SARAWAK

19. PENGARAH  
**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA CAWANGAN SANDAKAN**  
TINGKAT 2, WISMA PERSEKUTUAN,  
BEG BERKUNCI NO. 6  
90509 SANDAKAN, SABAH
20. PUAN JULIA ANAK JAPOK  
PENGARAH  
**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA CAWANGAN SARIKEI**  
NO. 2-3, LORONG JUBLI MUTIARA 2  
JALAN BERSATU  
96100 SARIKEI, SARAWAK
21. ENCIK AZRUL BIN ZAINAL  
PENGARAH  
**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA CAWANGAN BINTULU**  
NO.1 TINGKAT 2 WISMA BINTULU  
JLN TG. KIDURONG  
97000 BINTULU SARAWAK
22. ENCIK MUHAJMIN BIN MOHD MOKHTAR  
PENGARAH  
**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA CAWANGAN KAPIT**  
TINGKAT BAWAH & 1, WISMA PERSEKUTUAN  
JLN KAPIT BY PASS, 96800 KAPIT, SARAWAK
23. NORHAYATI BINTI MOHD TAHA  
PENGARAH  
**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA CAWANGAN KENINGAU**  
TKT 2, RUMAH PERSEKUTUAN  
BEG BERKUNCI NO 5, 89009 KENINGAU SABAH
24. PUAN DEWI BINTI ARABI  
PENGARAH  
**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA CAWANGAN LIMBANG**  
TINGKAT 1-3 LOT 2002 LTD  
JALAN TARAP  
98700 LIMBANG, SARAWAK

# **TATACARA PERAKAUNAN WANG PENDAHULUAN KONTRAKTOR (WPK) [A0591101]**

BAHAGIAN PERKHIDMATAN OPERASI PUSAT DAN AGENSI  
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA (JANM)

## ISI KANDUNGAN

|     |                                                               |        |
|-----|---------------------------------------------------------------|--------|
| 1.  | TUJUAN                                                        | 1      |
| 2.  | LATAR BELAKANG                                                | 1-2    |
| 3.  | SKOP                                                          | 3      |
| 4.  | TAKRIFAN                                                      | 4-6    |
| 5.  | PERANAN PIHAK YANG BERTANGGUNGJAWAB                           | 6-8    |
| 6.  | PERMOHONAN WPK                                                | 9-12   |
| 7.  | BAYARAN WANG PENDAHULUAN KONTRAKTOR (WPK)                     | 13- 14 |
| 8.  | REKUPMEN WPK                                                  | 15-18  |
| 9.  | TERIMAAN REKUPMEN WPK SECARA TUNAI                            | 19     |
| 10. | PELARASAN WANG PENDAHULUAN KONTRAKTOR                         | 20-23  |
| 11. | ABT WANG PENDAHULUAN KONTRAKTOR                               | 23     |
| 12. | HAPUSKIRA WANG PENDAHULUAN KONTRAKTOR                         | 23     |
| 13. | PELAPORAN WANG PENDAHULUAN KONTRAKTOR                         | 23-24  |
| 14. | SENARAI LAPORAN IGFMAS DAN T-CODE SAPGUI<br>YANG DIGUNA PAKAI | 25-26  |
| 15. | RUJUKAN                                                       | 26     |
| 16. | PENUTUP                                                       | 27     |
|     | LAMPIRAN A                                                    | 28-30  |
|     | LAMPIRAN B                                                    | 31-34  |
|     | LAMPIRAN C                                                    | 35-59  |
|     | LAMPIRAN D                                                    | 60     |
|     | LAMPIRAN E                                                    | 61-74  |
|     | LAMPIRAN F                                                    | 75     |

## 1. TUJUAN

- 1.1 Panduan ini adalah bertujuan untuk memberikan rujukan kepada **Pejabat Perakaunan (AO)** dan **Pusat Tanggungjawab (PTJ)** di bawah seliaan AO mengenai prosedur perakaunan yang merangkumi pembayaran Wang Pendahuluan Kontraktor (WPK), proses rekupmen, kaedah perekodan terimaan tunai, serta pelarasan-pelarasan yang terlibat.

## 2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan PK 4.1, WPK adalah kemudahan kewangan yang dibenarkan oleh Kerajaan kepada pembuat/pembekal/kontraktor tempatan dan negara ahli *Free Trade Agreement* (FTA) yang tidak melibatkan kontrak pusat, kontrak yang dibuat secara berpusat (kontrak Kementerian) dan perkhidmatan perunding.
- 2.2 Tujuan utama pembayaran ini adalah untuk memastikan pembuat/pembekal/kontraktor mempunyai aliran tunai yang mencukupi untuk memulakan projek tanpa menghadapi masalah kewangan pada peringkat awal.
- 2.3 Nilai WPK yang boleh diberi kepada pembuat/pembekal/kontraktor yang dilantik adalah seperti berikut:

| Bil | Jenis Kontrak | Jenis Perolehan | Nilai Pendahuluan Boleh diberi                                                                                                                                                                                                                     |
|-----|---------------|-----------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1   | Kerja         | Tender          | Kontraktor Utama - sehingga 25% daripada nilai kontrak atau maksimum RM10 juta mengikut mana yang lebih rendah.<br><br>Sub kontraktor – sehingga 20% daripada nilai kontrak sub kontraktor atau maksimum RM5 juta mengikut mana yang lebih rendah. |
|     |               | Sebut Harga     | Sehingga 25% daripada nilai kontrak/inden kerja atau maksimum RM100 ribu mengikut mana yang lebih rendah.                                                                                                                                          |
| 2   | Perkhidmatan  | Tender          | Sehingga 15% daripada nilai kontrak atau maksimum RM5 juta mengikut mana                                                                                                                                                                           |

|   |         |             |                                                                                               |
|---|---------|-------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------|
|   |         |             | yang lebih rendah.                                                                            |
|   |         | Sebut Harga | Sehingga 15% daripada nilai kontrak atau maksimum RM50 ribu mengikut mana yang lebih rendah.  |
| 3 | Bekalan | Tender      | Sehingga 25% daripada nilai kontrak atau maksimum RM10 juta mengikut mana yang lebih rendah.  |
|   |         | Sebut Harga | Sehingga 25% daripada nilai kontrak atau maksimum RM100 ribu mengikut mana yang lebih rendah. |

- 2.4 WPK diakaunkan dalam kod akaun A0591101 bag dana/peruntukan seperti berikut:

| Bil | Jenis Dana/<br>Peruntukan | Kod Akaun                                       | Kod Akaun<br>Bersubsidiari                 |
|-----|---------------------------|-------------------------------------------------|--------------------------------------------|
| 1.  | Pembangunan<br>(P)        | A0591101- Wang Pendahuluan<br>Kontraktor (WPK)  | Subsidiari Pembekal<br>( <i>recon AP</i> ) |
| 2.  | Amanah<br>Seksyen 10 (E)  | A0591101 - Wang Pendahuluan<br>Kontraktor (WPK) | Subsidiari Pembekal<br>( <i>recon AP</i> ) |

- 2.5 WPK ini hendaklah diperakaunkan dan dipertanggungkan kepada Vot/Dana dan PTJ pemilik projek (pemberi waran).
- 2.6 WPK diperakaunkan dalam sistem iGFMS menggunakan **kaedah nilai sisa** (*residual balance*).

### **3. SKOP**

- 3.1 Skop tatacara ini memberi huraian tentang proses kerja dan tanggungjawab Pejabat Perakaunan(AO) serta tanggungjawab PTJ terhadap AO berkaitan WPK (A0591101). Proses kerja ini meliputi panduan dan tindakan PTJ dan AO bermula daripada permohonan pendahuluan sehingga tindakan pengosongan WPK (A0591101).
- 3.2 Tatacara ini perlu dibaca bersekali dengan:
  - 3.2.1 Pekeliling Perbendaharaan PK 4.1 Pentadbiran Kontrak Dalam Perolehan Kerajaan Secara Am
  - 3.2.2 Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bilangan 5 Tahun 2023 Tatacara Pengurusan Bayaran;
  - 3.2.3 Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bilangan 3 Tahun 2025 Tatacara Pengurusan Terimaan;
  - 3.2.4 Manual Prosedur Kerja iGFMS Modul Accounts Payable (AP);
  - 3.2.5 Manual Prosedur Kerja iGFMS Modul Material Management (MM);
  - 3.2.6 Manual Prosedur Kerja iGFMS Modul Accounts Receivable (AR); dan
  - 3.2.7 Arahan Prosedur Kerja/ Arahan Operasi WPK yang berkaitan.
- 3.3 Tatacara ini disediakan berdasarkan ketersediaan sistem iGFMS dan peraturan sedia ada yang berkuatkuasa pada ketika ini dan sebarang pindaan tatacara akan dimaklumkan kelak.

## 4 TAKRIFAN

Takrifan bagi maksud tatacara ini adalah seperti berikut:

### 4.1 Pejabat Perakaunan (*Accounting Office* - AO)

Merujuk kepada Bahagian Akaun Kementerian (BA) dan Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) Negeri/Cawangan bagi Kerajaan Persekutuan.

### 4.2 Ketua Akauntan Kementerian (KA)

Akauntan utama bagi Kementerian termasuk apa-apa gelaran jawatan yang setara dengannya yang bertanggungjawab kepada Pegawai Pengawalnya dan tertakluk kepada kuasa Akauntan Negara dalam perkara mengenai tatacara perakaunan.

### 4.3 Pusat Tanggungjawab (PTJ)

Merujuk kepada pejabat di mana Pemegang Waran Peruntukan/ Ketua Jabatan telah menerima penetapan kuasa daripada Pegawai Pengawal dan bertanggungjawab untuk mengurus dan mengawal sumber kewangan di bawah seliaannya seperti peruntukan mengurus, peruntukan pembangunan, pengurusan Kumpulan Wang Amanah Kerajaan/ Akaun Amanah Awam, pengurusan terimaan, pengurusan aset, pengurusan liabiliti serta sumber-sumber lain yang berkaitan dengan menjalankan fungsi minimum PTJ.

### 4.4 PTJ Dipertanggung

Pihak yang bertanggungjawab sepenuhnya ke atas peruntukan, dan memantau pengurusan dan pelaksanaan sesuatu program atau projek mengikut waran peruntukan yang diluluskan dan diagihkan kepada PTJ Membayar.

### 4.5 PTJ Membayar

Pihak yang melaksanakan proses bayaran bagi pihak PTJ Dipertanggung, berdasarkan dokumen sokongan dan arahan pembayaran yang lengkap dan teratur.

### 4.6 Pegawai Penguasa (P.P)

Pegawai yang dilantik oleh Agensi Pelaksana untuk bertanggungjawab mengawal selia dan memberi arahan kerja menurut peruntukan Kontrak. Kontraktor hendaklah berurusan dengan P.P. sahaja bagi semua perkara berkaitan kerja. Agensi Pelaksana hendaklah memastikan P.P. yang dilantik adalah terdiri daripada pegawai-pegawai yang layak terutamanya dari kalangan Pegawai Teknikal.

#### 4.7 **Pentadbir Kontrak**

Individu atau pasukan yang dilantik dan diberi tanggungjawab untuk mengurus dan menyelia pelaksanaan sesuatu kontrak. Peranan pentadbir kontrak penting bagi memastikan kedua-dua pihak yang terlibat, pihak kerajaan dan pihak pembuat/pembekal/kontraktor mematuhi terma dan syarat yang telah dipersetujui di dalam kontrak.

#### 4.8 **Pemilik Projek**

Kementerian/Jabatan sebenar yang memiliki projek tersebut.

#### 4.9 **Wang Pendahuluan Kontraktor**

Kemudahan bayaran pendahuluan yang diberikan kepada pembuat/pembekal/kontraktor mengikut perjanjian kontrak untuk tujuan memulakan dan melaksanakan bekalan/perkhidmatan/kerja, yang akan dikutip semula (direkup) melalui potongan daripada baucar Arahan Pembayaran interim.

#### 4.10 **Kaedah Nilai Sisa**

Baki Wang Pendahuluan Kontraktor yang belum direkup, iaitu jumlah WPK dibayar ditolak jumlah rekupmen terkumpul.

#### 4.11 **Akaun Penyelesaian Material Management (MM) (L1312986)**

Kod akaun ini adalah akaun penyelesaian (*clearing account*) yang digunakan sebagai akaun perantara bagi tujuan kemaskini transaksi ke akaun subsidiari. Contoh subsidiari: Wang Pendahuluan Kontraktor, Wang Jaminan Pelaksanaan.

#### 4.12 **Akaun Pelarasan Belanja Aset (B033x555)**

Kod akaun yang digunakan untuk tujuan mengakaunkan pelarasan melibatkan kod akaun aset sebenar.

#### 4.13 **Rekupmen Wang Pendahuluan Kontraktor (WPK)**

Potongan yang dibuat daripada bayaran interim atau bayaran penuh kepada pembuat/pembekal/kontraktor pada kadar yang ditetapkan dalam kontrak sehingga jumlah WPK yang dibayar selesai direkup oleh Kerajaan. Peruntukan tahunan projek/perolehan tidak perlu mengambil kira amaun rekupmen WPK.

#### 4.14 **Bayaran Interim**

Bayaran kepada kontraktor berdasarkan kemajuan kerja yang disahkan sebelum projek siap sepenuhnya.

#### 4.15 Surat Setuju Terima iGFMAS (SST iGFMAS)

Nombor SST yang digunakan oleh sistem sebagai ID kepada setiap projek/vendor. Ianya berbeza dengan nombor kontrak fizikal. Satu projek untuk satu vendor hendaklah mempunyai satu nombor SST iGFMAS sahaja.

Surat Setuju Terima (SST) diwujudkan di portal iGFMAS dan maklumat SST tersebut akan digunakan untuk proses bayaran pendahuluan kontraktor. Pengguna hendaklah mengunci masuk maklumat penting seperti nombor subsidiari pembekal dan nombor SST Fizikal untuk mewujudkan nombor SST iGFMAS. Nombor SST iGFMAS akan diwujudkan oleh sistem secara automatik selepas maklumat disimpan. Satu projek untuk satu vendor hendaklah mempunyai satu nombor SST iGFMAS sahaja.

### 5 PERANAN PIHAK YANG BERTANGGUNGJAWAB

#### 5.1 PTJ Membayar

##### 5.1.1 PTJ Membayar bertanggungjawab:

- 5.1.1.1 Memastikan bayaran WPK, rekupmen dan pelarasan WPK menggunakan nombor SST iGFMAS yang tepat.
- 5.1.1.2 Memastikan rekupmen dilaksanakan seperti mana ditetapkan dalam borang JKR66 dan lejar kontrak.
- 5.1.1.3 Memastikan borang JKR66 adalah tepat dan mengemukakan salinan borang JKR.66 (perolehan kerja) atau jadual pembayaran (perolehan bekalan/perkhidmatan) bersama lejar kontrak kepada AO. Dokumen ini hendaklah dikemukakan **untuk semakan AO** sebelum Peraku II Arahan Pembayaran/ Baucar Jurnal yang melibatkan kod akaun WPK.
- 5.1.1.4 Memastikan tindakan pembetulan/pelarasan melibatkan WPK dilaksanakan dengan tepat sekiranya perlu.
- 5.1.1.5 Mengemukakan laporan Pengesahan Baki Sukuan tahun, lejar kontrak dan laporan KKS kepada Pejabat Perakaunan mengikut jadual yang ditetapkan. Contoh format adalah seperti di **Lampiran A**.
- 5.1.1.6 Memastikan bon pelaksanaan WPK (Jaminan Bon Pelaksanaan) masih dalam tempoh sah laku sehingga selesai rekupmen WPK.
- 5.1.1.7 Sekiranya kontraktor gagal untuk melanjutkan tempoh jaminan sah laku bon pelaksanaan WPK bagi kontrak yang mendapat *Extension of Time* (EOT), PTJ hendaklah mencairkan bon pelaksanaan WPK sedia ada dan melaraskan dengan baki WPK.

## 5.2 PTJ Dipertanggung

### 5.2.1 PTJ Dipertanggung bertanggungjawab:

- 5.2.1.1 Memastikan peruntukan yang disalurkan kepada PTJ Membayar adalah mencukupi bagi menampung bayaran interim dan rekupmen WPK.
- 5.2.1.2 Memastikan rekupmen WPK diselesaikan apabila nilai kerja projek mencapai 75%.
- 5.2.1.3 Memproses permohonan hapus kira yang dikemukakan oleh PTJ Membayar melibatkan WPK bagi projek sakit/dimansuhkan. Proses hapus kira hendaklah mengikut tatacara/pekeliling ABT yang berkuatkuasa.

## 5.3 Pejabat Perakaunan (AO)

### 5.3.1 Pihak bertanggungjawab hendaklah menyemak dan memastikan ketepatan baki dalam sistem iGFMAS seperti berikut:

#### 5.3.1.1 Bahagian Akaun Kementerian (BA) bertanggungjawab:

- (a) Memastikan **PTJ di bawah seliaannya** mengemukakan salinan borang JKR.66 (perolehan kerja) atau jadual pembayaran (perolehan bekalan/perkhidmatan) **untuk semakan AO** sebelum Peraku II Arahan Pembayaran/ Baucar Jurnal yang melibatkan kod akaun WPK. Pegawai penyemak AO boleh melakukan kuiri sekiranya dokumen yang diterima tidak tepat atau lengkap.
- (b) Memastikan bayaran interim dan rekupmen WPK dilaksanakan seperti mana ditetapkan dalam borang JKR66.
- (c) Memantau dan memastikan PTJ Membayar melaksanakan tindakan pelarasan dengan tepat.
- (d) Menyemak secara suku tahun sama ada terdapat baki kod Akaun WPK yang dipertanggung di bawah Pegawai Pengawal Kementerian di FAGLB03/FAGLL03.
- (e) Sekiranya terdapat baki WPK dipertanggung di bawah Pegawai Pengawal Kementerian, BA Kementerian hendaklah memastikan Pejabat Perakaunan mengemukakan lejar kontrak atau jadual pembayaran terkini bagi tujuan penyediaan laporan suku tahun dan Kertas Kerja Sokongan (KKS) Interim dan Akhir Tahun.
- (f) Mengemukakan laporan suku tahun dan KKS kepada BPOPA bagi kesemua subsidiari WPK yang mempunyai transaksi atau baki bagi tahun perakaunan semasa dibawah **Pegawai Pengawal Kementerian Dipertanggung** mengikut format yang ditetapkan. Contoh format adalah seperti di **Lampiran A**.

(g) Memastikan baki kod akaun WPK (A0591101) dilaporkan dengan tepat semasa penghantaran laporan KKS.

(h) Memastikan Akaun Penyelesaian MM dibawah seliaan BA sentiasa berbaki sifar setiap bulan sebelum penutupan akaun bulanan.

5.3.1.2 **JANM Negeri/Cawangan** bertanggungjawab:

(a) Memastikan PTJ di bawah seliaannya mengemukakan salinan borang JKR.66 (perolehan kerja) atau jadual pembayaran (perolehan bekalan/perkhidmatan) **untuk semakan AO** sebelum Peraku II Arahan Pembayaran/ Baucar Jurnal yang melibatkan kod akaun WPK. Tindakan kuiri oleh pegawai semak AO boleh dilakukan sekiranya dokumen tidak diterima dengan tepat dan lengkap.

(b) Memastikan bayaran interim dan rekupmen WPK dilaksanakan seperti mana ditetapkan dalam borang JKR66.

(c) Memantau dan memastikan PTJ Membayar melaksanakan tindakan pelarasan dengan tepat.

(d) Mengemukakan laporan Pengesahan Baki suku tahun, lejar kontrak dan laporan KKS kepada **Bahagian Akaun Kementerian Dipertanggung** dan disalinkan kepada BA KKR mengikut jadual yang ditetapkan. Contoh format adalah seperti di **Lampiran A**.

(e) Memastikan Akaun Penyelesaian MM dibawah seliaan sentiasa berbaki sifar setiap bulan sebelum penutupan akaun bulanan.

5.4 Tanggungjawab ini meliputi WPK melibatkan dana Pembangunan (P) dan dana Amanah Seksyen 10 (E).

## 6 PERMOHONAN WANG PENDAHULUAN KONTRAKTOR (WPK)

- 6.1 Selaras PK 4.1, bayaran Pendahuluan adalah dibenarkan untuk pembuat/ pembekal/ kontraktor tempatan dan negara ahli FTA. Kemudahan bayaran pendahuluan ini tidak terpakai kepada Kontrak Pusat Kementerian Kewangan, Kontrak Pusat Agensi dan perkhidmatan perunding.
- 6.2 Permohonan bayaran Pendahuluan Bagi Kontrak Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan hendaklah dilaksanakan seperti berikut:

| Bil | Jenis Kontrak | Jenis Perolehan | Nilai Pendahuluan Boleh diberi                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                |
|-----|---------------|-----------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1   | Kerja         | Tender          | <p>Kontraktor hendaklah mengemukakan permohonan untuk kemudahan bayaran pendahuluan berserta jaminan bagi bayaran pendahuluan secepat mungkin tetapi tidak lewat daripada tiga bulan selepas penyerahan tapak.</p> <p>Bagi mendapat kemudahan bayaran pendahuluan tersebut, syarat-syarat berikut hendaklah dipatuhi:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. SST telah ditandatangani dan dikembalikan;</li> <li>2. Bon Pelaksanaan telah dikemukakan;</li> <li>3. Polisi-polisi insurans seperti yang dinyatakan dalam SST atau syarat-syarat kontrak telah dikemukakan; dan</li> <li>4. Jaminan bernilai sama bagi bayaran pendahuluan telah dikemukakan.</li> </ol> |
|     |               | Sebut Harga     | <p>Bagi kontrak kerja, bayaran pendahuluan boleh diberi sehingga 25% daripada nilai kerja pembina (builder's work) atau maksimum RM100 ribu mengikut mana yang lebih rendah.</p> <p>Bagi mendapat kemudahan bayaran pendahuluan tersebut, syarat-syarat</p>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                   |

|   |                        |        |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                              |
|---|------------------------|--------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|   |                        |        | <p>berikut hendaklah dipatuhi:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Dibenarkan bagi kontrak yang bernilai melebihi RM200 ribu hingga RM500 ribu;</li> <li>2. Inden Kerja telah ditandatangani dan dikembalikan;</li> <li>3. Polisi-polisi insurans seperti yang dinyatakan dalam SST atau syarat-syarat kontrak telah dikemukakan;</li> <li>4. Jaminan bagi bayaran pendahuluan bagi kerja hendaklah dikemukakan seperti ditetapkan dalam PP/PK 4.2. Jaminan hendaklah sama nilainya dengan bayaran pendahuluan;</li> <li>5. Bayaran pendahuluan hendaklah dipohon pada peringkat awal kontrak dan tidak melebihi satu (1) bulan dari tarikh Inden Kerja mana berkaitan; dan</li> <li>6. Bayaran pendahuluan tidak dibenarkan bagi perolehan kerja jika tempoh siap kerja tidak melebihi tiga (3) bulan.</li> </ol> |
| 2 | Perkhidmatan & Bekalan | Tender | <p>Pembekal/ pembuat/ penyedia perkhidmatan hendaklah mengemukakan permohonan untuk mendapatkan kemudahan bayaran pendahuluan berserta jaminan bagi bayaran pendahuluan secepat mungkin tetapi tidak lewat daripada tiga (3) bulan selepas Surat Setuju Terima (SST) dikeluarkan.</p> <p>Bagi mendapat kemudahan bayaran pendahuluan tersebut, syarat-syarat berikut hendaklah dipatuhi:</p>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 |

|  |  |             |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                   |
|--|--|-------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|  |  |             | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Surat Setuju Terima (SST) telah ditandatangani dan dikembalikan;</li> <li>2. Bon Pelaksanaan telah dikemukakan;</li> <li>3. Polisi-polisi insurans seperti yang dinyatakan dalam SST atau kontrak telah dikemukakan; dan</li> <li>4. Jaminan yang sama nilai bagi bayaran pendahuluan telah dikemukakan.</li> </ol>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                     |
|  |  | Sebut Harga | <p>Pembekal/ pembuat/ penyedia perkhidmatan hendaklah mengemukakan permohonan untuk mendapatkan kemudahan bayaran pendahuluan berserta jaminan bagi bayaran pendahuluan secepat mungkin tetapi tidak lewat daripada tiga (3) bulan selepas Surat Setuju Terima (SST) dikeluarkan.</p> <p>Bagi mendapat kemudahan bayaran pendahuluan tersebut, syarat-syarat berikut hendaklah dipatuhi:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Dibenarkan bagi kontrak yang bernilai melebihi RM200 ribu hingga RM500 ribu;</li> <li>2. SST telah ditandatangani dan dikembalikan;</li> <li>3. Polisi-polisi insurans seperti yang dinyatakan dalam SST atau kontrak telah dikemukakan;</li> <li>4. Jaminan bagi bayaran pendahuluan hendaklah dikemukakan seperti ditetapkan dalam PP/PK 4.2. Jaminan hendaklah sama nilainya dengan bayaran pendahuluan; dan</li> </ol> |

|  |  |  |                                                                                                                                        |
|--|--|--|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|  |  |  | 5. Bayaran pendahuluan hendaklah dipohon pada peringkat awal kontrak dan tidak melebihi satu (1) bulan dari tarikh SST mana berkaitan. |
|--|--|--|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|

- 6.3 Permohonan WPK bersama dokumen berkaitan yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada Pegawai Penguasa (P.P) untuk kelulusan. P.P hendaklah mengemukakan salinan surat kelulusan WPK kepada Pemilik Projek untuk pemantauan dan penyeliaan.
- 6.4 Jaminan bagi bayaran pendahuluan hendaklah dikemukakan dalam bentuk seperti di Lampiran B yang tidak boleh batal (*irrevocable*) dan yang sama nilainya dengan bayaran pendahuluan. Format ini juga hendaklah mengikut ketetapan seperti mana dalam Pekeliling Perbendaharaan PK 4.7 yang berkuatkuasa.

## 7 BAYARAN WANG PENDAHULUAN KONTRAKTOR (WPK)

### 7.1 WPK VOT/DANA PEMBANGUNAN DAN AMANAH SEKSYEN 10 (P & E)

7.1.1 Bayaran WPK hendaklah dipertanggungjawabkan kepada Vot/Dana dan PTJ pemilik projek.

7.1.2 Pembayaran hendaklah dibuat melalui sistem iGFMAS dengan menggunakan Modul Arahkan Pembayaran Tanpa Pesanan Kerajaan (Submodul Bayaran Pendahuluan Kontraktor [Dokumen KK]).

The screenshot shows the iGFMAS system interface. The top navigation bar includes 'Tugasan', 'Data Induk', 'Waran', 'Baucar Jurnal', 'Perolehan', 'Pengurusan Arahkan Pembayaran' (highlighted), and 'Panjar'. Below this, the 'Arahkan Pembayaran Tanpa Pesanan Kerajaan' module is selected. The left sidebar lists various document types, with 'Pendahuluan Kontraktor' highlighted. The main area displays the 'DAFTAR ARAHAN PEMBAYARAN' form, which includes fields for Workitem ID, financial year, officer details, and dates. Buttons for 'Simpan', 'Semak Data', 'Hantar', 'Lulus', 'Kuiri', 'Set Semula', 'Hapus', 'Semak Peruntukan', 'Cetak', and 'Kembali' are visible.

7.1.3 'Perihal Bayaran' hendaklah diseragamkan bagi memudahkan pemantauan dan penyeliaan.

Format 'Perihal Bayaran' adalah seperti berikut: Nombor kontrak projek-perihal bayaran.

Contoh: JKR/P/UB/133/17 - Bayaran WPK Bagi Projek Naik Taraf Hospital Kajang.

7.1.4 Sistem iGFMAS akan *default* menggunakan kod akaun **A0591101** apabila pembayaran dibuat dengan menggunakan submodul Bayaran Pendahuluan Kontraktor seperti contoh di bawah.

7.1.5 PTJ Membayar hendaklah memastikan penggunaan no. SST yang tepat semasa membuat pembayaran WPK.

7.1.6 Bayaran WPK ini hendaklah direkodkan dalam Lejar Kontrak selepas bayaran selesai disempurnakan.

**DATA ASAS**

Tahun Kewangan: 2020 ☐AKB Bulan\* ☐AP96(a) ☐AP58(a) Tahun\* ☐AP54

Pejabat Perakaunan: 1104 KEMENTERIAN KERJA RAYA

Pegawai Pengawal Pembayar: C6 KETUA SETIAUSAHA, KEMENTERIAN KERJA RAYA

Kumpulan PTJ & PTJ Pembayar: 35265000 KUMPULAN PTJ KEMENTERIAN KERJA RAYA  
CAWANGAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK JKR

Tarikh Bil/Invois\*: 11.11.2020

Tarikh Terima Bil/Invois: 26.11.2020

Tarikh Peraku: 26.11.2020

Tarikh Terima Kewangan: 26.11.2020

No. Bil/Invois\*: WPK/SMART RELIAN...

Tarikh Dokumen: 26.11.2020

No. Dokumen: 12001194

Amaun (RM)\*: 1,500,000.00

Perihal Bayaran\*: JKR/IP/CKE/155/2020 BYRN WPK BG CDGAN PRJEK PEMASANGAN SISTEM SOLAR HIBRID UTK 134 BUAH SKLH-PAKEJ 6  
Maksimum 100 aksara.

Jenis Arahan Pembayaran: ☐H PENDAHULUAN KONTRAKTOR ☒KK PndahuluanKontraktor

Jenis Dokumen: ☐T Electronic Fund Transfer (EFT) Dalam/Luar Negara

No. SST\*: 202060001337521104

No. Kontrak Fizikal:

No. Cek/EFT: 202011046812990388

No. Rujukan Majikan (KWSP):

Bulan Caruman (BBTTTT):

Jenis Bayar:

Negeri:

**MAKLUMAT PENERIMA**

☒ Perseorangan ☐ Berganda

Pembekal\*: 6000133752 Nama\*: SMART RELIANCE SDN. BHD

No. KP/No. Pendaftaran\*: 424698-T Nama 2: Nama 3: Kod Entri\*: SSM

Alamat\*: NO. 16-2F JALAN BOLING PADANG G 13/G SEKSYEN 13 40100 SHAH ALAM 10 MY

Bandar\*: SHAH ALAM

Negara\*: MY

No. Kontrak/ID Pendahuluan:

No. Kontrak Deposit:

No. Gaji:

No. H/P: +60122091669

No. Faks: +6042644700

E-mel: zainuddinalias@yahoo.com.my

**MAKLUMAT BANK PENERIMA**

Bank: RHBAMYKL RHB Islamic Bank Berhad

No. Akaun Bank: 26215700002415

**URUSNIAGA DIMASUK KIRAKA DI DALAM AKAUN-AKAUN DI BAWAH**

Tambah | Padam

| Item | SG | PK | Fund     | Seg | BusA | G/L | Acc | Account | Description | *Amount in LC | Func. | Area | Profit | Ctr | PP       | M | Funds | Center/Assignment | Cmnt | Item         | WBS | element | Text |  |  |
|------|----|----|----------|-----|------|-----|-----|---------|-------------|---------------|-------|------|--------|-----|----------|---|-------|-------------------|------|--------------|-----|---------|------|--|--|
| 1    | D3 |    | 41130305 |     |      |     |     | P63     |             | 03700         | 013   | 5015 |        |     | A0591101 |   |       |                   |      |              |     |         |      |  |  |
|      |    |    |          |     |      |     |     |         |             | Jumlah (RM):  |       |      |        |     |          |   |       |                   |      | 1,500,000.00 |     |         |      |  |  |

Paparan Portal

**Data Entry View**

Document Number: 6003544890 Company Code: FGOM Fiscal Year: 2020

Document Date: 26.11.2020 Posting Date: 26.11.2020 Period: 11

Reference: 12001194 Cross-Comp.No.:

Currency: RM Texts exist: ☐ Ledger Group:

| Item | SG | PK   | Fund  | Seg  | BusA     | G/L      | Acc | Account    | Description   | *Amount in LC | Func. | Area     | Profit   | Ctr | PP       | M | Funds              | Center/Assignment | Cmnt | Item | WBS | element | Text |
|------|----|------|-------|------|----------|----------|-----|------------|---------------|---------------|-------|----------|----------|-----|----------|---|--------------------|-------------------|------|------|-----|---------|------|
| 1    | 31 | G000 | B7    | 1104 | L0191101 |          |     | 6000133752 | SMART RELIANC | 1,500,000.00  |       | 99122601 | 99122601 | B7  | 99122600 |   | 202060001337521104 | GENERAL           |      |      |     |         |      |
| 2    | K  | 29   | P6341 | D3   | 1104     | A0591101 |     | 6000133752 | SMART RELIANC | 1,500,000.00  |       | 35265000 | 41130305 | C6  | 41130300 |   | 202060001337521104 | E0211102          |      |      |     |         |      |
|      |    |      |       |      |          |          |     |            |               | * 0.00        |       |          |          |     |          |   |                    |                   |      |      |     |         |      |

Paparan SAPGUI (Pejabat Perakaunan)

| LEJAR KONTRAK                       |                  |                                                    |                           |                                           |                |                    |                        |                                         |                |                                     |                       |                                      |                       |                 |                |                                                                             |                          |  |
